

**TEKS UCAPAN  
YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS MAKAN MALAM  
ANUGERAH KEWARTAWANAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2018  
GRAND DARUL MAKMUR, KUANTAN  
18 NOVEMBER 2018**

Terima kasih saudara pencara majlis

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir  
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar  
Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Dasar & Pembangunan  
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Shuhaimi bin Hassan  
Timbalan Ketua Pegarah Pembangunan  
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Nik Hussain Abdul Rahman  
Pengerusi Eksekutif Kumpulan MTD

Yang Berbahagia Datuk Nik Fauzi bin Tan Sri Dr Nik Hussein  
Pengarah Eksekutif ANIH Berhad

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, khususnya tetamu kita yang dirai iaitu wartawan-wartawan daripada agensi-agensi media yang berpangkalan di Pahang.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran wakil-wakil media pada Malam Anugerah Kewartawanan LPT 2018 atau lebih dikenali sebagai AKLPT18.
2. Ini merupakan penglibatan pertama saya untuk Malam Anugerah Media anjuran syarikat konsesi dan saya amat bersyukur kerana diberi peluang bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis gilang gemilang ini. Saya juga amat terharu dengan kehadiran anda semua walaupun saya sedar tuan-tuan dan puan-puan mempunyai komitmen tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Terima kasih lagi sekali diucapkan.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur majlis iaitu ANIH Berhad khususnya kepada Jabatan Komunikasi Korporatnya kerana sudi menerima saya dan Timbalan saya, YB Tuan Haji Annuar Tahir sebagai tetamu kehormat pada majlis ini.

Hadirin yang saya hormati,

4. Saya dimaklumkan AKLPT 18 ini akan mengiktiraf pengamal media tempatan yang telah menghasilkan karya-karya mengenai Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 yang dianggap terbaik bagi tempoh 2016 hingga 2017.
5. Usaha ANIH Berhad menerusi Jabatan Komunikasi Korporatnya ini seharusnya menjadi perangsang dan pendorong untuk konsesi lain, khususnya konsesi yang memiliki jajaran lebuh raya di bahagian utara, tengah atau selatan tanah air untuk turut sama menghasilkan anugerah sebegini dan mengiktiraf sumbangan dan peranan wartawan dalam meningkatkan kesedaran umum tentang isu-isu penting berkaitan lebuh raya.

Hadirin sekalian,

6. Saya percaya, wartawan sering berdepan dilema terutama apabila melaporkan pelbagai kejadian sensitif. Bagaimanapun, seperti profesion lain, saya juga percaya aturan permainannya adalah perlu mematuhi etika profesional. Dalam hal ini, penting juga anda sebagai wartawan menyelidik topik anda dengan baik dan dapatkan fakta, kupaskan secara ilmiah sebelum mengeluarkan laporan yang boleh medidik pembaca.
7. Dalam era teknologi maklumat ini, pembaca kini mudah untuk mencerna pelbagai isu-isu, khususnya berkaitan lebuh raya yang mereka baca di akhbar atau melihat di televisyen dan mendengar di radio. Pembaca yang arif biasanya tidak cenderung mengambil segala yang mereka lihat secara '*direct*'. Oleh itu, laporan yang konsisten dan tidak bias serta tidak bercanggah dengan profesionalisme tinggi pengamal media serta melanggar etika kewartawanan, akan mendapat skor dengan baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Etika kewartawanan mengajar wartawan supaya melaporkan yang benar, bersikap objektif, saksama dan memperolehi maklumat dari sumber-sumber rasmi dan sahih. Wartawan mestilah mendapat fakta mereka dengan betul, hendaklah melaporkan dalam konteks yang betul dan tepat. Sebarang laporan dan visual atau gambar pula hendaklah menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku. Ini semua penting untuk mengelak wujudnya viral berita atau gambar yang tidak sahih sumber atau kejadiannya dan sekali gus mengakibatkan kesan buruk atau negatif. Inilah yang sering berlaku di dalam industri lebuh raya yang mana syarikat konsesi terpaksa membuat kenyataan balas untuk membetulkan semula keadaan.

Hadirin yang dihormati,

9. Di Pahang ini, iaitu di dalam negeri yang "dianugerahkan" dengan kewujudan begitu banyak organisasi media, saya pasti akan timbul persaingan yang sengit di antara sesama wartawan atau jurufoto untuk mendapatkan berita yang terkini. Pada masa yang sama, sudah pasti juga akan berlaku persaingan di antara organisasi media masing-masing. Saya percaya bahawa persaingan sedemikian tidak hanya setakat untuk mendapatkan pembaca yang lebih ramai tetapi juga untuk mencapai tahap yang berkualiti dalam mempersembahkan berita, rencana atau kandungan media masing-masing.
10. Persaingan untuk menghasilkan sesuatu laporan berita atau foto yang berkualiti adalah sesuatu yang sihat dan saya berharap agar saudara-saudari para wartawan semua untuk terus bersaing berlandaskan kepada usaha untuk menonjolkan kualiti di dalam kerja-kerja masing-masing. Dalam mana-mana profesion, ruang untuk meningkatkan kecemerlangan tidak pernah tertutup. Begitu juga dalam profesion kewartawanan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih lagi kepada ANIH Berhad dan Jabatan Komunikasi Korporatnya kerana diberi peluang untuk berkongsi pandangan saya tentang dunia kewartawanan yang saya anggap sebagai rakan kongsi penting syarikat konsesi dan kementerian dalam menjayakan agenda untuk kesejahteraan rakyat dan negara.
12. Kepada ANIH Berhad, saya berharap ia akan dapat meneruskan peranannya sebagai syarikat konsesi yang menawarkan khidmat terbaik untuk semua penggunanya.
13. Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada tokoh-tokoh wartawan yang juga juri AKLPT 18 iaitu YBhg. Dato' Yong Soo Heong, YBhg. Dato' Ahmad Talib, YBhg. Dato' Mior Kamarulbaid Mior Shahid dan Tuan Syed Agil Syed Jaafar yang telah memberikan kerjasama mereka dalam menjayakan pengadilan bagi AKLPT 18 ini.

14. Sebelum mengundur diri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pemenang pelbagai kategori AKLPT 2018.

Sekian dan terima kasih.